

Tiada kompromi rasuah - PM

Oleh ZAREEN
HUMAIRAH SEJAHAN
zareen.hs@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berjanji tidak akan mengecualikan atau menyelamatkan individu yang disabitkan dengan kesalahan rasuah.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu mengenai masa terdahulu jika ada tuduhan terpilih (*selective prosecution*) tetapi bagi kerajaan sekarang tiada pendakwaan terpilih kepada sesiapa sahaja.

"Sebenarnya dari segi kemerosotan kedudukan kita, bukan sebab kes-kes rasuah tetapi disumbang oleh perkara lain seperti hak asasi yang mungkin pandangan daripada badan-badan antarabangsa berbeza daripada nilai di negara kita tetapi mereka melihat hak asasi dalam nilai mereka.

"Terdapat keperluan pembaharuan institusi dan akta-akta yang perlu dipinda seperti Rang Undang-Undang Sumbangan Dana Politik misalnya, yang ini juga merupakan satu tuntutan daripada badan antarabangsa supaya kita laksanakan di negara kita. Dari segi keseluruhannya, ada sembilan perkara yang dijadikan alasan untuk menjadikan kita dari segi kedudukan kita.

"Dari segi tindakan yang dilaksanakan apabila berkaitan isu rasuah, banyak kes yang berjalan di mahkamah melibatkan sesiapa sahaja tidak kira daripada pembangkang dan kerajaan.



ISMAIL Sabri Yaakob tiba di Bangunan Parlimen untuk menghadiri Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Rakyat, semalam. - IHSAN JABATAN PENERANGAN

"Hari ini banyak kes masih berjalan. Ini menunjukkan kerajaan serius dalam mengambil tindakan kepada sesiapa sahaja yang mengamalkan rasuah," katanya dalam Persidangan Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai persepsi rasuah yang meningkat kerana tidak ada gambaran atau tekad politik mengenai masalah-masalah besar.

Menurut Anwar, beliau telah membangkitkan isu Pandora Papers dan IMalaysia Development Berhad (1MDB) yang belum terungkai dan individu yang terlibat masih bebas untuk ke mana sahaja seperti tiada masalah.

"Persepsi ini merosakkan imej negara kalau tiada kesediaan bagi pihak pimpinan politik. Saya tahu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) mempunyai peranan besar dalam hal ini tetapi tekad politik juga perlu.

"Kita tidak boleh katakan persepsi ini persepsi biasa kerana ada keterangan baru yang menggemparkan serta melibatkan institusi penting negara termasuk Bank Negara dan kita nampak keengganan bertindak sama ada mantan-mantan perdana menteri terlibat.

"Kenapa tiada sikap kesungguhan pimpinan khususnya perdana menteri untuk menyatakan bahawa SPRM harus bertindak tanpa ragu terhadap siapa sahaja," soalnya.